

11 MAY 2002

Mahathir-Kongres/I

DR MAHATHIR AKAN BERKONGSI PANDANGAN DENGAN ANGGOTA KONGRES

Oleh: E.Sivabalan

WASHINGTON, 11 Mei (Bernama) -- Anggota-anggota Kongres Amerika Syarikat akan berpeluang berkongsi pandangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pelancaran Perundingan Perdagangan, Keselamatan dan Ekonomi Malaysia di sini Selasa.

Perdana Menteri yang akan membuat lawatan rasmi empat hari ke Amerika Syarikat bermula Isnin ini, dijadual meraikan para anggota Kongres itu pada jamuan tengah hari di bilik jamuan Speaker di pejabat Kongres di Capitol Hill di sini.

Majlis jamuan itu merupakan acara sulung Perundingan tersebut, satu Pertubuhan Anggota Kongres yang baru ditubuhkan bertujuan untuk mengukuhkan hubungan Amerika Syarikat dan Malaysia.

Pengerusi bersamanya, anggota Kongres Pete Sessions dan Gregory W. Meeks semasa menjemput para anggota lain menghadiri jamuan itu, memuji Dr Mahathir sebagai "seorang yang mempunyai wawasan unik dan penuh pengalaman politik".

Sambil menyifatkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam sederhana, mereka turut memberi penghormatan kepada kepimpinan Dr Mahathir yang membentuk sebuah masyarakat pelbagai kaum, etnik dan agama yang stabil.

Dr Mahathir, kata mereka, adalah pemacu utama dalam pencapaian "rekod pertumbuhan dan pembangunan ekonomi 30 tahun Malaysia".

Kejayaan itu banyak bergantung kepada pendekatan Malaysia terhadap pembangunan ekonomi, kata mereka.

Dalam surat jemputan itu, anggota-anggota Kongres itu berkata kejayaan Malaysia mengubah ekonominya jelas terpancar menerusi pewujudan Koridor Raya Multi Media (MSC) yang dianggap sebagai Lembah Silikon Asia Timur.

"MSC yang menempatkan banyak syarikat teknologi tinggi terkemuka dunia dengan berbagai projek dan inisiatif, adalah hasil ketara daripada usaha Dr Mahathir untuk menjadikan Malaysia sebagai kuasa pesaing ekonomi global," kata mereka.

Menurut mereka, Malaysia hari ini adalah pasaran eksport Amerika Syarikat (AS) yang ke-18 terbesar dan merupakan laluan kepada ahli perniagaan Amerika Syarikat untuk bersaing di Asia.

AS mengeksport barangan dan perkhidmatan bernilai hampir US\$11 bilion ke Malaysia tahun lepas selain menerima pelaburan langsung US\$6 bilion daripada syarikat-syarikat AS.

Menurut anggota-anggota Kongres itu, Perdana Menteri berhasrat untuk berbincang mengenai isu yang berkaitan dengan Malaysia dan AS termasuk mengenai keselamatan, hubungan komersil dan mengukuhkan hubungan dua hala.

Hubungan antara kedua-dua buah negara semakin bertambah penting ekoran peristiwa serangan pengganas di New York dan Washington pada 11 September lepas.

"Sebagaimana yang anda ketahui, Malaysia telah menjadi rakan dalam perang menentang keganasan. Pasukan keselamatan Malaysia telah menahan 60 orang yang disyaki terbabit dengan kegiatan pengganas," tambah mereka.

-- BERNAMA

JH ES MOZ